KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	16.05.22	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	PERHILITAN			



ZAINI Musa menunjukkan kawasan halaman rumahnya yang menjadi tempat gajah liar berkeliaran kelmarin. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

Gajah liar muncul di halaman rumah

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediaraksa.com.my

GUA MUSANG: Kira-kira 3,000 penduduk Felda Chiku 3, di sini gempar dengan kehadiran seekor gajah liar yang dilihat berkeliaran di halaman rumah di kawasan itu, petang kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira pukul 7 petang, gajah dewasa itu dikesan berada di belakang rumah penduduk sebelum dilihat berada di laman rumah seorang guru serta rumah kedai di kawasan berhampiran.

Guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Chiku 2, Zaini Musa berkata, dia terkejut selepas menyedari mamalia itu berada di halaman rumahnya sambil memusnahkan tanaman serta pagar.

Katanya, sepanjang 21 tahun menetap di kawasan itu, kejadian itu adalah pertama kali kawasan rumahnya dimasuki gajah dan amat membimbangkannya.

"Saya yang berada di dapur rumah mendengar bunyi pelik sebelum mengintai melalui cermin tingkap dan melihat seekor gajah di halaman rumah.

"Saya terkejut melihat gajah yang bersaiz besar itu dan ketinggiannya dianggarkan melebihi pagar sekolah di kawasan berhampiran," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di rumahnya, di sini hari ini.

Zaini berkata, gajah itu dilihat berlegar di halaman rumahnya lebih setengah jam sebelum dia menghubungi jiran bagi meminta bantuan.

Katanya, sebelum bantuan tiba, gajah itu dilihat sempat berehat dan minum air di dalam kolam di halaman rumahnya.

"Tidak lama kemudian, jiran saya telah bertindak menghalau gajah itu dan haiwan itu dilihat masuk ke kawasan hutan berhampiran.

"Ini merupakan kejadian pertama gajah masuk ke kawasan perkampungan kerana sebelum ini, ia pernah dilihat berada di kawasan kebun kelapa sawit peneroka," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan, Mohamad Hafid Rohani ketika dihubungi berkata, pihaknya sudah menerima aduan berkaitan kehadiran gajah liar di Felda Chiku 3.

Katanya, kawalan serta pemantauan telah dilakukan dan lokasi kejadian adalah kira-kira 15 kilometer dari Hutan Simpan Relai yang dipercayai menjadi habitat gajah berkenaan.